

KREATIVITI DALAM PENGHASILAN MOTIF SONGKET RAJANG ETNIK MELANAU OLEH SAANAH SUHAILI

Creativity in the Production of Melanau Ethnic Rajang Songket Motifs by Saanah Suhaili

Siti Norhaliza Safri¹, Harozila Ramli²

^{1,2}*Fakulti Seni, Kelestaraian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
sitinorhaliza9712@gmail.com¹, harozila@fskik.upsi.edu.my²*

Published: 25 April 2024

To cite this article (APA): Safri, S. N., & Ramli, H. (2024). Kreativiti dalam Penghasilan Motif Songket Rajang Etnik Melanau oleh Saanah Suhaili. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 1–15. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.1.2024>

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada kelestarian seni Songket Rajang etnik Melanau di Sarawak menerusi penghasilan seni tenunan dari segi motif, penggunaan bahan, mereka corak dan proses penghasilannya. Tujuan utama kajian ini ialah untuk meningkatkan taraf seni Songket Rajang etnik Melanau kepada peringkat yang lebih tinggi dan memberikan pendedahan kepada etnik Melanau serta masyarakat Sarawak. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana kepakaran lokal etnik ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kreativiti seni Songket Rajang di Sarawak. Keunikan seni Songket Rajang ini sebenarnya terletak pada cara penghasilannya dan reka corak eksklusif yang tidak akan sama dengan songket yang sedia ada. Motif-motif tradisional etnik ini dapat digambarkan pada permukaan kain Songket Rajang berfungsi mencerminkan konteks kebudayaan etnik Melanau dan memberikan kepercayaan yang diadaptasikan pada Songket Rajang. Kaedah kualitatif menerusi pendekatan etnografi telah membuktikan bahawa motif-moitf yang diadaptasikan dalam konteks kebudayaan dan kepercayaan merupakan identiti etnik mereka dalam penghasilan Songket Rajang. Kelestarian dalam penghasilan Songket Rajang etnik Melanau dalam konteks budaya dan kepercayaan adalah satu kepakaran lokal terhadap ketelitian penghasilan songket bagi meningkatkan martabat Songket Rajang dalam masyarakat Sarawak.

Kata kunci: Kreativiti, lokal, etnik Melanau, Songket Rajang

ABSTRACT

This study focuses on the preservation of the Melanau ethnic Songket Rajang art in Sarawak through the production of the woven art in terms of motifs, the use of materials, their patterns and the production process. The main objective of this study is to raise the level of the Melanau ethnic Songket Rajang art to a higher level and provide exposure to the Melanau ethnics as well as the people of Sarawak. It aims to show how the local expertise of this ethnic group plays an important role in influencing the creativity of Songket Rajang art in Sarawak. The uniqueness of Songket Rajang art actually lies in the way it is produced and the exclusive pattern designs that will not be the same as existing songket. These traditional ethnic motifs can be depicted on the surface of the Songket Rajang fabric to reflect the cultural context of the Melanau ethnicity and provide the beliefs adapted to Songket Rajang. The qualitative method through ethnographic approach has proven that the motifs adapted in the cultural context and beliefs are their ethnic identities in the production of Songket Rajang. Preservation in the production of Songket Rajang of Melanau ethnic in the context of culture and belief is a local expertise on the rigor of songket production to increase the dignity of Songket Rajang in Sarawak society.

Keywords: Creativity, local, Melanau ethnic, Songket Rajang

PENGENALAN

Etnik Melanau yang mendiami kawasan Lembah Utara, terutamanya di Kampung Rajang, Belawai, dan Mukah, Sarawak, terkenal dengan kraf tenunan songket yang diwarisi sejak zaman dahulu. Songket Rajang, yang memiliki nilai setanding dengan songket dari negeri-negeri lain, bukan sahaja menjadi sumber ekonomi tetapi juga pakaian eksklusif yang digunakan dalam majlis-majlis rasmi dan perkahwinan. Kaum Melanau menganggap kraf ini sebagai warisan yang perlu diteruskan dan mempraktikkannya dengan menyesuaikan motif dan corak mengikut permintaan pelanggan, memastikan keunikan setiap tenunan. Walaupun industri tenunan ini kini menggunakan teknologi moden, ia tetap mengekalkan teknik tradisional untuk memelihara keaslian dan kualiti songket. Awangko' Hamdan (2006) menyatakan bahawa Songket Rajang bukan sahaja simbol penting warisan budaya, menggabungkan pengaruh sejarah Kerajaan Majapahit dan tradisi Islam Brunei, tetapi juga mencerminkan usaha berterusan untuk menghidupkan semula industri ini melalui kursus, bimbingan, dan sokongan pemasaran. Usaha ini bertujuan untuk memastikan warisan tenunan tradisional ini diteruskan oleh generasi akan datang dan terus mengukuhkan identiti etnik Melanau.



Gambar 1: Songket Rajang Motif Corak Penuh
Sumber: <https://bitly.ws/3axyU>

SEJARAH SENI SONGKET RAJANG

Seni Songket Rajang merupakan mahakarya kain tenun tradisional yang membentuk identiti budaya masyarakat Melanau di Sarawak, Malaysia. Songket Rajang mempunyai akar yang kukuh dalam kehidupan masyarakat Melanau yang menetap di kawasan sekitar Sungai Rajang. Pada mulanya, perkembangannya berkait rapat dengan keperluan harian seperti pakaian dan keperluan rumah tangga. Motif dan corak awalnya mungkin lebih sederhana, mencerminkan kehidupan sehari-hari serta simbol-simbol alam. Seiring dengan perubahan zaman, Ismail Hussein (2015) menyatakan bahawa Songket Rajang telah melalui pelbagai perubahan dan penyesuaian seiring dengan perkembangan zaman. Beliau menerangkan bahawa walaupun teknik tenunan dan corak tradisional masih dikekalkan, pengaruh luar dan permintaan pasaran telah menyebabkan perubahan dalam reka bentuk dan penggunaan Songket Rajang. Ini menunjukkan bagaimana warisan budaya ini terus berkembang sambil mengekalkan identitinya.

Pada suatu ketika, Songket Rajang menjadi lambang status sosial dan kemewahan. Masyarakat Melanau menggunakan Songket Rajang ini dalam pelbagai upacara dan ritual seperti perkahwinan, majlis adat, dan acara keagamaan. Motif dan warna tertentu sering kali menunjukkan status sosial atau mempunyai makna spiritual yang khusus. Zaman penjajahan membawa cabaran baru bagi seni

Songket Rajang. Pengaruh budaya Barat dan perubahan sosial yang disebabkannya turut mempengaruhi penghasilan dan penggunaan Songket Rajang. Walaupun beberapa tradisi terus dikekalkan, terdapat juga penyesuaian dalam motif dan gaya untuk menyesuaikan dengan kehendak masa.

Pada pertengahan abad ke-20, kesedaran tentang kepentingan memelihara seni warisan muncul, dan pelbagai usaha pemeliharaan telah dilaksanakan melalui program pendidikan, latihan, dan sokongan masyarakat. Generasi muda telah diberdayakan untuk mewarisi keterampilan tradisional bagi memastikan kelangsungan hidup seni Songket Rajang. Pada era moden, seni Songket Rajang tetap relevan sebagai lambang kekayaan budaya Melanau. Seiring dengan peningkatan kesedaran terhadap warisan budaya, Songket Rajang menjadi objek seni yang diminati dan dikoleksi. Beberapa pereka tempatan turut mencipta inovasi dalam reka bentuk untuk menyesuaikan dengan selera moden tanpa menghilangkan hakikat tradisionalnya.

Pada 24 April 1991, sebuah kumpulan tenunan Songket Rajang telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 19 orang. Menurut pengasas Songket Rajang, Sa'annah Suhaili, tujuan Kumpulan Tenunan Songket ini ditubuhkan adalah untuk mengetengahkan dan mempromosikan tenunan Songket Rajang di pasaran agar dapat menjadi industri Songket yang terkenal di Sarawak. Menurut beliau juga, terdapat dua jenis Songket yang dihasilkan iaitu corak penuh dan corak bunga tabur. Menurut Awangko' Hamdan et al. (2006), Brunei memainkan peranan yang amat penting pada masa itu dalam memajukan seni tekstil di Sarawak, khususnya dalam penghasilan Songket Rajang yang terkenal. Sebelum abad ke-17, pengaruh Kesultanan Melayu Brunei melibatkan seluruh pantai utara Borneo dan Kalimantan, serta seluruh Kepulauan Filipina, menyebabkan pelbagai jenis tekstil dan ragam hias terserap ke dalam seni tekstil Sarawak. Awangko' Hamdan et al. (2006) juga menyatakan bahawa di Sarawak, terdapat kain Songket yang dikenali sebagai Kain Brunei, merujuk kepada kain Songket dengan corak bunga bertabur.



Gambar 2: Songket Rajang Corak Bunga Tabur dan Corak Penuh
Sumber <https://bitly.ws/3axz7>



Gambar 3: Pusat Tenunan Songket Rajang
Sumber; <https://bitly.ws/3axzb>

Penerokaan terhadap penghasilan seni Songket Rajang ini merujuk kepada kepakaran lokal etnik Melanau dalam mengekalkan identiti dan keistimewaan seni tenunan Songket Rajang yang tidak sama dengan songket yang lain dalam membangunkan industri seni kraf tangan di Malaysia. Pengasas seni tenunan Songket Rajang ini juga menyatakan dalam keratan akhbar Berita Harian pada 13 November 2015 yang ditulis oleh Harun Yahya: “Menenun Songket Rajang mengambil masa yang panjang bergantung kepada rekaan corak yang diinginkan oleh pelanggan dan akan menjadikan corak songket tersebut eksklusif yang tidak akan sama dipakai orang lain. Antara keunikan Songket Rajang, songket ini boleh dipakai di kedua-dua bahagian iaitu dalam dan luar serta ketelitian susun letak benang yang bijak menyembunyikan benang agar benang tidak kelihatan di bahagian luar atau dalam.” Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan bagaimana seni tenunan etnik Melanau ini mampu mengangkat kepakaran mereka dalam penghasilan seni tenunan Songket Rajang di Sarawak.

Selain daripada itu, pada beberapa tahun lepas, etnik Melanau terkenal dengan penghasilan Songket Rajang yang mempunyai keunikan dan keistimewaannya tersendiri. Dengan penghasilan seni tenunan Songket Rajang ini, etnik Melanau di kawasan Kampung Rajang berjaya mengangkat seni tenunan ini pada ketika itu, yang merupakan satu seni kraf tangan yang sangat popular dalam kalangan etnik ini tetapi agak kurang diketahui oleh kebanyakan masyarakat di Sarawak.

Seni Songket Rajang terus memainkan peranan penting dalam kehidupan harian dan upacara masyarakat Melanau. Proses pembuatan songket tidak hanya melibatkan kemahiran manual, tetapi juga memelihara hubungan erat dengan nilai-nilai budaya dan spiritual masyarakat tersebut. Sebagai lambang masa dan ekspresi kreativiti, seni Songket Rajang Sarawak terus berperanan sebagai penjaga kekayaan warisan budaya. Dengan kesinambungan usaha pemeliharaan, seni ini mampu terus diwarisi dan diperkaya, memberikan nikmat kepada generasi akan datang. Songket Rajang kini menjadi khazanah yang tak ternilai dalam sejarah Melanau di Sarawak.

ASAL USUL ETNIK MELANAU

Melanau merupakan salah satu kaum utama di negeri Sarawak, selain kaum Iban. Kumpulan etnik ini mempunyai reka bentuk rumah yang unik, iaitu membina rumah setinggi 10 meter atau lebih dari permukaan tanah. Hal ini kerana masyarakat ini dahulu hidup dalam berpuak-puak, sering berlaku peperangan sesama sendiri, dan mempunyai keunikan tersendiri dari segi struktur lantai rumah yang jarang. Namun, orang yang berada di bawah rumah tidak dapat melihat pergerakan

orang yang berada di atas. Terdapat dalam suku etnik Melanau yang beragama Islam dan Kristian, namun ada juga yang mengamalkan kepercayaan Pagan, iaitu kepercayaan animisme yang merupakan satu bentuk kepercayaan masyarakat etnik Melanau suatu ketika dahulu, yang diwarisi oleh orang terdahulu sehingga sekarang.



Gambar 4: Peta Kawasan Etnik Melanau, Sarawak di Persisiran Laut
Sumber: <https://rb.gy/k1x1m6>

Perkampungan etnik Melanau kebanyakannya terletak di tepi sungai dan berdekatan dengan pantai. Mengikut sejarah, etnik Melanau merupakan dominasi dunia lautan suatu ketika dahulu dan mempunyai hubungan dengan pedagang dari Arab dan China, yang menjadikan mereka antara pelayar yang disegani ketika itu. Selain itu, etnik Melanau juga mahir dalam membuat kapal dan mempunyai kapal tradisional tersendiri yang dinamakan Badong. Secara amnya, etnik Melanau dipecahkan kepada beberapa kumpulan tertentu berdasarkan tempat tinggal mereka di Sarawak, iaitu Kuala Rajang, Sibu, Matu-Daro, Mukah-Dalat, Balingian, dan Bintulu. Sebahagian daripada etnik Melanau ini telah berhijrah ke kawasan bandar seperti Kuching, Miri, dan Sibu kerana penempatan pekerjaan mereka di sana.

Masyarakat Melanau merupakan etnik yang kaya dengan adat dan keistimewaan tersendiri, di mana kebudayaan mereka diasingkan kepada beberapa aspek utama seperti pakaian tradisional, kematian, perkahwinan, kelahiran, tarian, tatu, kraf tangan, bahasa Melanau, dan makanan. Dalam konteks pakaian tradisional, songket Rajang memainkan peranan penting sebagai salah satu elemen budaya yang tidak hanya melambangkan status sosial tetapi juga memelihara identiti etnik Melanau. Songket Rajang, dengan corak dan motifnya yang unik, menjadi simbol keterampilan dan kreativiti masyarakat Melanau, menggambarkan hubungan erat mereka dengan alam sekitar serta kepercayaan tradisional. Selain digunakan dalam majlis rasmi dan upacara adat, songket Rajang juga melambangkan perpaduan antara warisan tradisi dan inovasi, di mana motif-motifnya sering kali menggabungkan elemen sejarah dengan pengaruh moden, menjadikannya relevan dan dihargai dalam kalangan generasi muda Melanau hari ini.

METODOLOGI KAJIAN



Rajah 1: Gambar Kerangka Konseptual yang telah diadaptasikan melalui Konsep Rupa dan Jiwa oleh Syed Ahmad Jamal.

Sumber pengkaji

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi dimana pengkaji akan turun ke kajian lapangan di Pusat Tenunan Songket Kampung Rajang, 96150 Belawai, Mukah, Sarawak dalam konteks kebudayaan dan kepercayaan yang diadaptasikan dalam Songket Rajang. Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan meneliti satu kelompok budaya atau masyarakat dalam konteks situasi sebenar dan melibatkan satu tempoh masa yang berpanjangan. Pendekatan ini memberikan kefahaman tentang asal usul sesuatu penghasilan songket pada masa kini. Pengkaji menggunakan kaedah temubual secara semi berstruktur, ini kerana memudahkan pengkaji untuk mendapatkan dapatan yang lebih sahih berkenaan apa yang dikaji. Seramai 11 orang informan akan ditemubual dalam mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kajian ini turut berlandaskan satu kerangka konseptual iaitu Konsep Rupa dan Jiwa oleh Syed Ahmad Jamal (1992).

PERBINCANGAN

Kenali Saanah Sunaili Pengasas Seni Songket Rajang



Gambar 5: Saanah Suhaili

Sumber: <https://bitly.ws/3b7vQ>

Saanah Suhaili, 68 tahun, merupakan Pengurus Kumpulan Tenun Songket Rajang dalam bidang tenunan. Beliau adalah anak kesembilan daripada 10 beradik. Beliau seorang yang berpengalaman dan telah mengetuai Kumpulan Tenun Songket Rajang sejak 1991. Beliau terkenal di kalangan peminat kraf warisan, terutamanya dalam seni tenunan tradisional seperti Songket Sarawak Kampung Rajang. Pusat Tenun Songket Sarawak yang terletak di Kampung Rajang, Belawai, menjadi pusat kegiatan penting dalam masyarakat suku etnik Melanau. Saanah Suhaili berpengalaman lebih daripada tiga dekad dalam bidang tenunan, dan beliau menekankan kriteria penting bagi penenun songket Sarawak. Beliau mendapati kemahiran menyolek sebagai elemen utama untuk menghasilkan kraf warisan yang berkualiti tinggi.

Saanah Suhaili merinci proses tenun Sarawak, membandingkannya dengan teknik yang digunakan di Terengganu dan Kelantan. Beliau menekankan keunikan songket Sarawak, terutamanya teknik sembunyi benang dan proses menyolek yang mencipta perbezaan luar dan dalam bahagian kain. Keutamaan pemahaman formula 30 sifir khas dalam proses menyolek disorot oleh Saanah Suhaili, dianggap sebagai landasan kritikal bagi penguasaan teknik sembunyi benang dan rekaan motif pada kain songket. Selain itu, beliau menekankan bahawa penciptaan corak motif, penjanaan loseng, dan aplikasi teknik ikat memainkan peranan penting dalam penggunaan formula sifir khas tersebut. Prestasi Saanah Suhaili tidak hanya terhenti di situ, tetapi melibatkan penciptaan sifir khas pada tahun 1993 bersama Dayang Norsalam Pengiran Parsih. Pengiktirafan yang diterima daripada Kraftangan Malaysia sebagai Adiguru Kraf Tenunan Songket Sarawak mencerminkan sumbangan luar biasa beliau dalam memelihara serta memajukan seni tenunan tradisional.

Saanah Suhaili, yang mewarisi seni kraf songket daripada emaknya, mengakui sumbangan penting daripada Kraftangan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) terhadap Kumpulan Tenun Songket Rajang. Dengan sokongan daripada kedua-dua agensi tersebut, produk-produk songket berjaya dipromosikan hingga meraih pengiktirafan di luar negara, termasuk di Australia dan New Zealand. Bantuan yang diberikan melibatkan kursus tenunan songket, bengkel, bekalan bahan mentah, promosi penjualan, dan penambahbaikan produk. Sebelum ini,

kampungnya terkenal dengan industri tenunan songket, namun kesulitan dalam mendapatkan benang sehingga tahun 1972 menyebabkan banyak penenun terpaksa menghentikan aktiviti mereka. Meskipun bersyukur dengan perkembangan baru, Saanah tetap merasa kebimbangan terhadap masa depan songket Sarawak, terutamanya kerana kebanyakan generasi muda di kampungnya tidak menunjukkan minat untuk mempelajari warisan berharga tersebut.

Kreativiti

Kreativiti dalam seni songket melibatkan penerapan teknik tenunan benang emas atau perak pada kain untuk mencipta corak dan motif yang bersifat unik. Proses ini memerlukan ketelitian, kehalusan tangan, dan kecermatan dalam perancangan corak. Kreativiti dalam seni songket juga melibatkan pemilihan warna yang seimbang, kombinasi motif yang inovatif, dan penambahan elemen dekoratif untuk menghasilkan karya akhir yang menarik dan bernilai seni tinggi. Penenun songket sering menggabungkan unsur tradisional dengan sentuhan kontemporari, mencipta karya seni yang mencerminkan keindahan warisan budaya mereka. Menurut Mohamed Amin dalam karyanya Kreativiti dan Inovasi dalam Seni Songket, beliau menyatakan seni songket mempunyai potensi besar untuk berkembang dengan menggabungkan teknik tradisional dan elemen moden. Dengan menyatukan kedua-dua aspek ini, songket dapat menghasilkan karya yang bukan sahaja menghormati warisan budaya tetapi juga relevan dalam konteks semasa. Penggunaan reka bentuk kontemporari, warna yang lebih berani, serta teknologi moden dalam proses tenunan membolehkan songket terus menarik minat dan memenuhi keperluan generasi baru.

Dalam seni Songket Rajang, kreativiti terpancar melalui penggunaan pola rajang atau corak yang rumit dan penuh hiasan. Penyusunan corak ini memerlukan kecekapan tinggi dalam teknik tenunan, serta ketelitian untuk menyusun dan menggabungkan elemen reka bentuk. Kreativiti juga tercermin dalam pemilihan warna yang serasi dan padu, serta penambahan elemen dekoratif yang memberikan keunikan pada setiap karya Songket Rajang. Penenun Songket Rajang sering mencipta motif-motif yang lebih bebas dan moden, menggabungkan tradisi dengan sentuhan kontemporari untuk menghasilkan karya seni yang mengekalkan nilai warisan budaya sambil membawa perspektif yang segar dan inovatif.

Secara ringkasnya, kreativiti dalam seni Songket Rajang tidak hanya bergantung pada kecekapan teknikal tenunan, tetapi juga pada keupayaan untuk menggabungkan warisan tradisional dengan unsur inovatif, mencipta karya seni yang menakjubkan dan unik. Dalam komuniti etnik Melanau, dua jenis songket yang sering menjadi tumpuan adalah Songket Corak Penuh dan Songket Corak Bunga Tabur.

Penghasilan Motif Songket Rajang Etnik Melanau oleh Saanah Suhaili

Saanah Suhaili telah memperkenalkan tiga corak utama dalam penghasilan songket Rajang etnik Melanau, iaitu Songket Corak Penuh, Songket Corak Bunga Tabur, dan Motif Manis-manis Sayang. Songket Corak Penuh menampilkan corak yang meliputi keseluruhan permukaan kain, menghasilkan kesan estetik yang mewah dan dominan. Songket Corak Bunga Tabur menggunakan motif bunga yang tersebar di seluruh kain, menggambarkan keindahan semula jadi serta simbolisme budaya Melanau. Motif Manis-manis Sayang pula menonjolkan elemen halus yang melambangkan kelembutan dan kasih sayang, memberikan sentuhan peribadi pada setiap helaian songket. Inovasi ini bukan sahaja memperkayakan warisan songket Melanau tetapi juga mencerminkan kreativiti dan kemajuan dalam teknik pembuatan songket.

Songket Corak Penuh

Songket Corak Penuh Etnik Melanau merujuk kepada kain songket yang melibatkan hiasan corak penuh merentasi seluruh permukaan kain. Corak ini mencakup berbagai motif dan unsur tradisional yang mencerminkan identiti masyarakat Melanau. Kemahiran teknikal dalam tenunan memainkan peranan penting dalam mencipta kain songket ini, dengan setiap helai benang diatur dengan teliti untuk menghasilkan corak yang seragam dan cantik. Songket Corak Penuh Etnik Melanau menggambarkan keindahan dan kekayaan warisan budaya mereka melalui seni tenunan yang sarat dengan makna dan simbolisme. Sebagai contoh, Songket Cuban, juga dikenali sebagai songket corak penuh yang disulam dengan benang emas atau perak, dihasilkan melalui proses penenunan yang melibatkan keseluruhan kain. Corak ini biasanya ditempatkan di bahagian utama reka bentuk kain, terutamanya pada badan kain yang umumnya dihiasi dengan benang emas. Dua motif yang dikenalpasti dalam corak ini ialah Motif Sukit Lidi dan Motif Tabar.



Gambar 6: Songket Corak Penuh Songket Rajang
Sumber <https://bitly.ws/3axzi>

a. Motif Sukit Lidi



Gambar 7: Sukit Lidi Songket Rajang
Sumber <https://bitly.ws/3axzt>

Motif Sukit Lidi dalam songket Etnik Melanau merujuk kepada corak yang terinspirasi daripada struktur dan bentuk lidi atau anyaman bambu. Corak ini sering memaparkan garisan-garisan yang menyerupai atau terinspirasi oleh lidi, mencipta reka bentuk yang sederhana dan organik. Motif Sukit Lidi memberikan sentuhan alami dan tradisional kepada kain songket, dan kerap kali diaplikasikan sebagai elemen hiasan yang mencolok di beberapa bahagian kain atau keseluruhan kain, mencipta kesan yang unik dan estetik. Dalam proses pembuatan motif

Sukit Lidi ini, terdapat dua jenis motif bunga yang digunakan, iaitu Bunga Cempaka dan Bunga Cermai. Di bawah ini terdapat ilustrasi gambar untuk memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap motif yang dihasilkan dalam Songket Sukit Lidi.

	
<p>Gambar 8: Motif Bunga Cempaka <i>Sumber:</i> https://bitly.ws/3axzF</p> <p>Gambar 10: Motif Bunga Cermai <i>Sumber:</i> https://bitly.ws/3axzJ</p>	<p>Gambar 9: Motif Bunga Cempaka <i>Sumber dari Penyelidik</i></p> <p>Gambar 11: Motif Bunga Cermai <i>Sumber dari Penyelidik</i></p>

b. Motif Tabar



Gambar 12: Motif Tabar Songket Rajang
Sumber <https://bitly.ws/3axAD>

Motif Tabar dalam Songket Rajang merujuk kepada corak yang terinspirasi oleh bentuk atau struktur hulu panah atau anak panah. Corak ini umumnya menampilkan unsur-unsur geometrik

yang sama atau terinspirasi oleh hulu panah, membentuk reka bentuk yang simetri dan dinamik. Motif Tabar memberikan kesan yang unik dan berani pada kain songket, sering menjadi elemen utama dalam hiasan kain atau diterapkan secara merata di seluruh kain. Estetika motif ini mencerminkan kekuatan dan keindahan dalam seni tenunan tradisional etnik Melanau. Dalam pembuatan songket motif Tabar, terdapat tiga jenis motif bunga yang digunakan iaitu Motif Tempuk Manggis, Motif Bunga Melur, dan Motif Bunga Cabik, yang menjadi motif utama dalam mencipta corak penuh Songket Motif Tabar. Berikut adalah ilustrasi gambar untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keunikan motif yang dihasilkan dalam Motif Tabar.




Gambar 13: Motif Tempuk Manggis
Sumber: <https://m.pulsk.com/472286/>



Gambar 14: Motif Tempuk Manggis
Sumber dari Penyelidik



Gambar 15: Motif Bunga Melur
Sumber: <https://bitly.ws/3axAV>



Gambar 16: Motif Bunga Melur
Sumber dari Penyelidik



Gambar 17: Motif Bunga Cabik
Sumber: <https://bitly.ws/3axB2>



Gambar 18: Motif Bunga Cabik
Sumber dari Penyelidik

Songket Corak Bunga Tabur

Songket Corak Bunga Tabur dalam seni Etnik Melanau merujuk kepada kain songket yang dihiasi dengan corak bunga yang tersebar atau ditebar secara rawak di seluruh permukaan kain. Corak ini menggambarkan bunga-bunga yang diatur secara rawak, menciptakan reka bentuk yang berwarna-warni dan hidup. Songket ini tidak mengikut pola tertentu, melainkan memberikan kesan yang bebas dan alami. Corak Bunga Tabur dalam songket merupakan corak yang ditenun secara tersebar dan tidak bersambung antara satu sama lain. Dalam corak ini, pengkaji dapat mengenal pasti motif tertentu, seperti Motif Manis-manis Sayang. Songket Corak Bunga Tabur membawa keindahan alam dan kreativiti, mencipta karya seni yang memikat dengan keunikan corak bunga yang tersebar di seluruh kain songket tersebut.



Gambar 19: Motif Manis-manis Sayang Songket Rajang
Sumber: <https://bitly.ws/3axBg>

Motif Manis-manis Sayang



Gambar 20: Songket Corak Bunga Tabur Songket Rajang yang berusia 100 tahun
Sumber <https://bitly.ws/3axBq>

Motif Manis-manis Sayang dalam songket Etnik Melanau merujuk kepada corak yang memaparkan unsur-unsur seni yang melambangkan kelembutan, keanggunan, dan kemesraan. Corak ini umumnya dihiasi dengan bunga yang indah dan motif yang menggambarkan kehalusan dalam seni tenunan. Motif Manis-manis Sayang membawa kesan penuh kasih sayang dan kehangatan, serta memberikan nilai estetika yang memukau pada kain songket Etnik Melanau. Dalam proses penghasilan Motif Manis-manis Sayang ini, terdapat dua jenis motif bunga yang digunakan, iaitu Bunga Kembang Semangkuk dan Bunga Tanjung. Berikut adalah ilustrasi gambar untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keunikan motif yang dihasilkan dalam Motif Manis-manis Sayang.

A photograph showing two dried botanical specimens on a light-colored surface. On the left is a small, oval-shaped, brownish-orange dried fruit or seed pod. To its right is a larger, more complex, and textured dried flower head, possibly a Bunga Kembang Semangkuk.	A black and white line drawing of the Bunga Kembang Semangkuk motif. It features a central circular or star-like shape surrounded by multiple layers of petal-like or leaf-like elements, creating a complex and symmetrical floral design.
<p>Gambar 21: Motif Bunga Kembang Semangkuk Sumber: https://bitly.ws/3axBN</p>	<p>Gambar 22: Motif Bunga Kembang Semangkuk Sumber dari Penyelidik</p>



Gambar 23: Motif Bunga Tanjung
Sumber: <https://bitly.ws/3axCt>



Gambar 24: Motif Bunga Tanjung
Sumber dari Penyelidik

KESIMPULAN

Kajian tentang Songket Rajang di bawah pimpinan Saanah Suhaili menunjukkan bahawa usaha pelestarian dan inovasi dalam seni tenunan ini memiliki implikasi yang signifikan. Kepimpinan Saanah Suhaili telah berjaya mengekalkan nilai-nilai tradisional sambil memupuk kreativiti dan inovasi yang memastikan kelangsungan seni ini dalam konteks zaman moden. Inisiatif beliau dalam memperkenalkan teknik dan corak baru, serta pendidikan dan latihan untuk generasi muda, memainkan peranan penting dalam memastikan pewarisan kemahiran tenunan yang berterusan. Selain itu, promosi yang strategik dan kerjasama dengan industri kreatif telah memperluas pasaran Songket Rajang, meningkatkan penghargaan masyarakat dan memberi sokongan ekonomi kepada komuniti seniman. Integrasi prinsip kelestarian dalam penghasilan songket ini juga mencerminkan komitmen terhadap kelangsungan seni tenunan dalam jangka panjang. Keseluruhannya, usaha ini menunjukkan dedikasi tinggi terhadap pelestarian warisan budaya serta penekanan terhadap kreativiti dan inovasi yang diperlukan untuk menghadapi cabaran perubahan zaman.

RUJUKAN

- Ismail, S. Z. (1994). Tekstil tenunan Melayu: keindahan budaya tradisional Nusantara [Review of Tekstil tenunan Melayu: keindahan budaya tradisional Nusantara]. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (2015). Kebudayaan dan Warisan di Malaysia: Perspektif Kontemporari [Review of Kebudayaan dan Warisan di Malaysia: Perspektif Kontemporari].
- Lebar, O. (2006). Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod [Review of Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod].
- Mohamed Amin. (n.d.). Kreativiti dan Inovasi dalam Seni Songket [Review of Kreativiti dan Inovasi dalam Seni Songket].
- Nawawi M, N. (2007). Songket Malaysia [Review of Songket Malaysia].
- Shukor, H. A. (2009). Seni kraf tenunan: Motif & teknik. Institut Kraf Negara. Songket Rajang angkat martabat Bumi Kenyalang. (2015, November 13). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/11/964060/songketrajang-angkat-martabat-bumi-kenyalang>

- Syed Ahmad Jamal. (1992). Rupa dan Jiwa [Review of Rupa dan Jiwa]. Dewan Bahasa Dan Pustaka; Kuala Lumpur.
- (n.d.). Kaum Melanau (n.d.). SARAWAK BUMI KENYALANG [Review of Kaum Melanau (n.d.). SARAWAK BUMI KENYALANG]. <https://isswak.weebly.com/kaum-melanau.html>
- (PDF) Tamadun Brunei Dan Kewujudan Seni Tenun. (2007, December 3). ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/265336001_Tamadun_Brunei_dan_Kewujudan_Seni_Tenun
- (2006, December 19). Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved May 25, 2021 [Review of Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved May 25, 2021]. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Melanau>
- (2019, March 6). Rahsia “Menyolek” Songket Sarawak. [Review of Rahsia “Menyolek” Songket Sarawak.]. BERNAMA. <https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1732483>
- (2019, March 6). *Rajang rahsia songket Sarawak* [Review of *Rajang rahsia songket Sarawak*]. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2019/03/537818/rajang-rahsia-songket-sarawak>
- (2019, September 10). Etnik Melanau. The Patriots | Moving Forward As One. [Review of Etnik Melanau. The Patriots | Moving Forward As One.]. <https://www.thepatriots.my/etnik-melanau>
- (2020, December 2). Songket Rajang [Review of Songket Rajang]. <https://youtu.be/SCcS-TphbA>